



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Meller Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | ccliikas@gmail.com

Paskah 5 - 28 April 2024

Doa Hari Ini

Ya Allah Mahakuasa, Engkau sahaja yang dapat membawa ketenangan kepada keinginan dan hawa nafsu yang tidak dapat dikawal dalam diri orang berdosa; berilah kami anugerah untuk mengasihi apa yang Engkau perintahkan dan menyukai apa yang Engkau janjikan, agar di dalam segala perubahan dan kemungkinan dunia ini, hati kami akan ditetapkan dengan pasti di tempat di mana terdapat bahagia kekal; oleh Yesus Kristus Tuhan kami. Amin



Semua yang lahir dari Allah, mengalahkan dunia

- 1 Yohanes 5:4.

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.


1. SELAMAT DATANG

Selamat datang kepada Canon Robert & Puan Ruth Vun, dari Melbourne. Kami berterima kasih kepada mereka untuk kesempatan pelayanan di kebaktian BC dan BI.

2. MUSIM PASKAH

Kita meneruskan pelajaran kita tentang 'kebangkitan komuniti'. Komuniti ini lebih dikenali sebagai 'gereja', merupakan kesan ketara dari kebangkitan Yesus Kristus. Ia bermula dengan 120 murid Yesus pada hari Pentakosta. Ia perlahan-lahan, tetapi secara berterusan dan pasti, lalu berkembang menjadi komuniti di seluruh dunia.

Berdasarkan surat 1 Yohanes, judulnya adalah:



- 7 April: Persekutuan - 1 Yohanes 1:5-2:2
- 14 April: Kebenaran - 1 Yohanes 3:1-7
- 21 April: Ketaatan - 1 Yohanes 3:16-akhir
- 28 April, hari ini: Keberanian - 1 Yohanes 5:1-6
- 5 Mei: Keyakinan - 1 Yohanes 5:9-13
- 12 Mei, Hari Ibu: Kasih - 1 Yohanes 4:7-akhir
- 19 Mei, Pentakosta: Kuasa

3. KONFERENSI BELIA BC & BI

Konferensi bermula Selasa ini. Doakan kesemua 170 peserta berdaftar.; termasuk 10 dari gereja kita. Beberapa sesi dibuka untuk penyertaan semua. Antaranya ialah:

- 30 April, Selasa, Katedral All Saints, 7:30 malam - Sesi 1 - Penceramah: Bishop Melter Tais
- 1 Mei, Rabu, Katedral All Saints, 7:30 malam - Sesi 3 - Penceramah: Bishop Kenneth Thien
- 2 Mei, Khamis, Dewan Hakka, 6:00 petang - Makan Malam Mewah. Tiket diperlukan.

4. KHEMAH MUDA-MUDI DIOSIS

28-30 Mei - Khemah Muda-mudi BC & BI, di Sekolah Visi, Tawau. Dibuka untuk pendaftaran. RM135 seorang (termasuk makanan dan penginapan). 31 orang dari gereja kita telah mendaftar. Diharapkan masih ada yang mahu menyertainya. Marilah kita menggalakkan penyertaan sebaik mungkin dari gereja kita.

5. PROJEK 'LABUR'

Projek ini adalah untuk membina sebuah penginapan tambahan untuk staf gereja kita. Tapak telah ditanda. Silalah pergi melihatnya, di sekitar Pavilion. Sementara itu, usaha mengumpul dana tetap diteruskan:

- Diperlukan - RM600,000/-
- Minggu lepas - RM3,380/-
- Jumlah sehingga kini - RM24,610/-

6. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- ACARA STS - di Seminari Teologi Sabah:
 - 4 Mei - Hari Terbuka untuk mengenal STS: kursus ditawarkan, kemudahan, dsb.
 - 14-16 Mei, 7:30 mlm - pelbagai bengkel muzik
 - 17 Mei, 7:30 mlm - konsert muzik mini dan koir (masuk percuma).
- KUNJUNGAN KE ARK - 9 Mei, 10:00 pg
Sambutan Hari Ibu di ARK. Kami memerlukan pelayan sukarela untuk mengambil bahagian dalam program singkat dan ringkas. Sila hubungi Ps. Margaret atau Lisa.
- Gubahan bunga hari ini disumbangkan oleh Adrian Nungka & keluarga sebagai tanda kesyukuran.

7. TATACARA MENERIMA PERJAMUAN KUDUS

Semua orang dialu-alukan untuk maju ke hadapan semasa waktu Perjamuan Kudus. Sila nyatakan tanda berikut kepada Pemimpin Awam:

- untuk menerima Perjamuan Kudus - angkat kedua-dua telapak tangan anda, dalam bentuk silang;
- untuk menerima doa sahaja - kepalkan kedua-dua tangan anda, dan angkat dalam bentuk berdoa.



8. JAWATAN KOSONG DI ARK

Jawatan 'house-keeper' terbuka untuk permohonan di Kampung Persaraan Anglikan (ARK). Skop kerja termasuklah memastikan kelancaran gerak kerja dapur untuk keselesaan penghuni - membeli bahan masakan dan kelengkapan lain, mengurus pasukan dapur, menjaga kebersihan, dan lain-lain. Mereka yang berminat, sila hubungi Rektor. Tarikh tutup permohonan: 12 Mei 2024.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Tanda-tanda 'Kebangkitan Komuniti'

KEBERANIAN

“Sebab semua yang lahir dari Allah, mengalahkan dunia. Dan inilah kemenangan yang mengalahkan dunia: iman kita.” - 1 Yohanes 5:4

1) Menyatakan Iman

- Percaya kepada Yesus - 1 Yoh 5:1a
- Percaya kepada karya-Nya - 1 Yoh 5:1b, Yoh 1:29
- Akibat percaya - 1 Yoh 5:5

1) Melakukan Perintah-Nya

- Bermula dengan hubungan - 1 Yoh 5:2
- Roh Kudus Memampukan - 1 Yoh 5:3, Yoh 14:26

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Nyatakan beberapa ketakutan anda? Serangga merangkak yang menyeramkan? Masalah kewangan? Cabaran kesihatan? Kongsikan.
2. Baca 1 Yoh 5:1-5. ay1 - apakah maksud 'percaya kepada Yesus'? mempercayai Yesus bermaksud mengikut Dia; menjadi murid-Nya. Apakah yang Yesus harapkan daripada murid-murid-Nya? Baca Lukas 9:23. Jika mengikut Yesus melibatkan banyak cabaran, mengapa kita masih mahu mengikut Dia?
3. Kita percaya bahawa Yesus bukan sekadar seorang tokoh sejarah. Apa lagi yang kita percaya tentang Yesus? ay 1 & 5. Apakah maksud gelar 'Kristus' dan 'Anak Allah'? Apakah kesannya kepada kita hari ini?
4. 1 Yoh 5:4-5. Apakah yang dimaksudkan 'mengalahkan dunia'? Adakah ini bermakna orang Kristian akan menjalani kehidupan yang bebas daripada penyakit, kekurangan wang, perselisihan faham dan penderitaan. Berikan ulasan anda?
5. Bagaimana kita boleh 'mengalahkan dunia'? Baca ay5; dan Yoh 16:33. Orang Kristian hidup dalam pandangan 'langit baru dan bumi baru'. Bagaimana sudut pandang ini membantu kita menjalani kehidupan seharian kita?
6. Kongsikan keperluan doa anda, jika ada. Doakan satu sama lain untuk menjadi 'pemenang'.

UNTUK DIDOAKAN

Sabah yang tercinta

- berdoa agar lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan untuk anak-anak muda kita [supaya kita lebih produktif dengan sumber manusia yang kita ada]

Persekutuan Anglikan yang dikasihi

- berdoa agar kita menjadi saksi yang berkesan untuk kebenaran dan kasih Tuhan [agar kita setia kepada Kitab Suci]

Diri sendiri

- berdoa agar kita dapat mengasihi dan melayani dengan keberanian [supaya kita belajar untuk mengatasi perkara negatif dengan iman kita]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.